

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Fast-forward with fibre	The Star
2.	Komitmen pelaburan bernilai RM3.57 bilion bakal diterima ECER	BERNAMA
3.	Jawatan kuasa pengurusan bencana alam Sabah siap siaga hadapi banjir	BERNAMA
4.	Pahang: Pusat pemindahan banjir dilengkapi bekalan makanan lebih awal	BERNAMA
5.	Taburan hujan melepasi paras waspada	Sinar Harian
6.	Mangsa banjir pertama pindah	Sinar Harian
7.	Hujan di Batu Pahat lebihi paras amaran	Sinar Harian
8.	Nelayan disaran jangan turun ke laut	Sinar Harian
9.	Strong winds forecast in Kelantan and Terengganu	The Star
10.	Amaran angin kencang, laut bergelora hingga Rabu	BERNAMA
11.	Syarikat-syarikat berstatus BioNexus bersedia untuk pertumbuhan yang kukuh	Utusan Malaysia



By LIM WING HOOI
winghooi@thestar.com.my

Fast-forward with fibre

Company taps potential of alternative crop

WHEN the Asean Free Trade Area (AFTA) took effect in 2010, domestic tobacco growers, particularly in major growing areas in Kelantan, Terengganu, Kedah and Perlis were affected when the Government decided to terminate subsidies on tobacco farming to comply with AFTA and the World Health Organisation regulations.

Additionally, they were less competitive compared with their lower-cost peers in Thailand, Indonesia, Vietnam and the Philippines.

The government, recognising this, dissolved the Malaysia Tobacco Board and replaced it with Malaysia Kenaf and Tobacco Board or Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) with a focus on kenaf becoming an alternative cash crop for tobacco growers.

The fast-growing kenaf (it matures in 100 to 200 days) is a fibrous plant with the scientific name *hibiscus cannabinus*. It has potential to be used as construction material and to be turned into automotive components where weight and environmental concerns are an issue.

KPC Manufacturing Sdn Bhd used it to manufacture ceiling and wall panelling.

KPC Manufacturing's co-founder and managing director Zulfairis Zulkifli said he was looking for opportunities in the green industry when he thought of exploring the possibilities with Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

"We wanted different products, going beyond solar panels and bio-fuel and found our niche in green construction material," he said.

In 2010, after speaking with the MARDI researchers, he decided to set up a company to specialise in manufacturing ceiling and panel-



ling products from kenaf with five partners.

Kenaf polymer composite or KPC is a combination of kenaf fibre with other materials to create a polymer composite, as opposed to wood-based polymer composite (WPC) which consist of sawdust from sawmills or sometimes rice husk.

Both can be turned into boards and panels for construction and industrial use.

Zulfairis said the kenaf was sourced from LKTN and the final product is stronger, more reliable and environmental friendly.

"It is environmental friendly because it is from sustainable mate-

rial. Kenaf is known to mature fast and also, if there are defects in the final product, we can recycle it and re-manufacture the product," he said.

As a polymer, the material allows for custom shapes and sizes to be produced and fitted in curvy areas in houses and buildings.

To ensure its reliability and safety, he said their products are certified by SIRIM and also sent for Restriction of Hazardous Substances Directive (RoHS) and formaldehyde testing by TÜV Rheinland in Malaysia, a product-testing company that does work on behalf of the European Union and other localities.



1 Zulfairis showing the flexible kenaf polymer composite (KPC) final product.

2 KPC panels manufacturing plant in Semenyih.

Such collaboration between MARDI and him had brought out the best of Malaysian researchers and entrepreneurs. MARDI retains the intellectual property rights while the company is able to manufacture the products and market them with the brand name 'dayham panels'.

"We are the licensed technology partner where we pay an upfront fee and an annual 3% royalty based on our annual revenue," he said.

Starting with RM2mil capital and subsequently a soft loan of RM3mil from Malaysian Technology Development Corp (MTDC), the manufacturing engineering graduate said the initial capital was spent

mostly on procuring the manufacturing machines from overseas.

A lot was spent on promoting the brand, especially via overseas exhibition, which he said the company had participated over 20 exhibitions, both local and foreign.

Operating with 12 staff in a rented 18,000 sq ft manufacturing plant in Semenyih, the company focused on producing ceiling and wall panel for the first three years before diversifying to outdoor decking and flooring products early this year, with a total of four product lines and four colour choices.

> SEE NEXT PAGE

KERATAN AKHBAR
THE STAR (METROBIZ) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)



Four product lines and counting

> FROM PREVIOUS PAGE

Although a polymer, it comes in a wood-based colour that gives it a wood-like appearance with no additional repainting needed.

Manufacturing the product is one phase of the business, and as the saying goes what you make you must sell. To address that aspect of the business, Zulfairis incorporated another company, DS Decor Sdn Bhd, to deal directly with retail clients.

DS Decor does design, supply,

and installation of the product. Zulfairis says clients these days like to see the finished product installed in their dream home before deciding on what to purchase.

"We have 3D designs which we are able to show our clients to help them make an informed decision," he said.

They also supply directly to architecture firms and contractors. He said these transactions occur often at the early stage where they play a major role in educating the public about the potential of using KPC



over wood.

"We would then guide them on how they could install the products in their clients' home," he said.

To date, the products had been used in over 500 individual houses

and including government buildings such as the National Museum to resorts, with each contract value from RM2,000 for retail customers to over RM700,000 for developer-based projects.

3 A sample of kenaf polymer composite (KPC) used as ceiling panels.

4 A staff mixing the materials to make KPC panels.

5 A worker inspecting the quality of the KPC panel. They can easily be sent for recycling should the product failed to meet the required standards.



Komitmen Pelaburan Bernilai RM3.57 Bilion Bakal Diterima ECER

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Komitmen pelaburan bernilai RM3.57 bilion bakal diterima Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) pada suku keempat tahun ini.

Pelaburan berkenaan dijanjikan 16 syarikat, termasuk lapan penerima manfaat inisiatif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), demikian umum Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada Isnin.

"Setakat ini, 29 syarikat di ECER dengan nilai pelaburan keseluruhan sebanyak RM646.5 juta telah mendapat manfaat daripada dana fasilitasi Teraju bernilai RM84.1 juta manakala 65 syarikat telah dikenal pasti sebagai syarikat Bumiputera berprestasi tinggi (Teras)," katanya dalam pengumuman sempena mesyuarat suku keempat ECER 2014 di sini pada Isnin.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Datuk Abdul Farid Alias dan Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Datuk Jebasingam Issace John, turut hadir pada majlis berkenaan.

Najib, yang juga Pengerusi ECERDC, menyaksikan pertukaran dokumen antara Maybank dan ECERDC untuk menubuhkan Usahawan ECER-Maybank yang akan memberikan bantuan kewangan kepada usahawan tempatan di ECER.

Sebagai permulaan, Maybank dan Maybank Islamic akan memperuntukkan RM100 juta untuk pembiayaan perniagaan manakala ECERDC akan memperuntukkan RM10 juta bagi menampung faedah atau bayaran kadar keuntungan.

Menurut ECERDC, langkah itu dijangka memberi manfaat kepada 2,000 usahawan mikro serta kecil dan sederhana di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Mersing, Johor pada akhir tahun 2015.

Ia berkata kerjasama itu akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11, yang bermula tahun depan, bagi faedah 6,000 usahawan dalam ECER menjelang 2020.

ECERDC berkata skim itu akan dilaksanakan bulan ini, yang menawarkan empat jenis bantuan kewangan, iaitu Portfolio Jaminan-i PKS, Perniagaan Hartanah PKS Pembiayaan-i, Pembiayaan Micro PKS dan Pembiayaan Mikro Runcit.

Ia berkata Skim Mikro Pembiayaan Runcit ditawarkan secara eksklusif untuk usahawan wanita dengan jumlah pinjaman maksimum RM10,000 manakala skim lain yang ditawarkan jumlah pembiayaan yang berbeza dari RM20,000 hingga RM50,000.

Di bawah skim berkenaan, ia berkata ECERDC akan membayar faedah/caj kadar keuntungan sehingga 50 peratus.

ECERDC, bersama-sama dengan Maybank, merancang untuk menganjurkan aktiviti capaian untuk mempromosikan program ini kepada orang ramai bermula bulan ini.

Selain Skim Keusahawanan ECER-Maybank, ECERDC juga bekerjasama dengan Agrobank dan [Sirim Bhd](#) dalam program Usahawan ECER yang telah memberi manfaat kepada 1,365 usahawan di wilayah ekonomi itu setakat ini.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, ECERDC mengumumkan tiga syarikat utama untuk beroperasi dan mengurus projek pertanian komersil berskala besar dalam ECER, iaitu The Holstein Milk Company Sdn Bhd, CSC Integrated Herbal Farm Sdn Bhd, dan Genetic Improvement and Farm Technologies Sdn Bhd (GIFT).

ECERDC berkata The Holstein Milk Company Sdn Bhd akan melabur RM30 juta untuk mengendalikan dan menguruskan Pusat Inovasi dan Penyelidikan Lembu Muadzam Shah yang dibina ECERDC yang akan mewujudkan 100 petani satelit sebagai sebahagian daripada rangkaian sokongannya.

CSC Integrated Herbal Farm Sdn Bhd pula akan melabur RM20 juta menjelang 2020 untuk mengendalikan dan menguruskan Pembangunan Kluster Bersepadu Herba ECER di Chegar Perah, Pahang dan menanam pelbagai tumbuhan herba.

"Projek ini dijangka akan mewujudkan 36 peladang kontrak dan usahawan dalam kalangan penduduk tempatan, yang mempunyai potensi pendapatan RM5,000 sebulan," tambahnya.

Satu lagi syarikat utama, GIFT akan melabur RM10 juta untuk meningkatkan dan membangunkan program pembiakan kambing biri-biri yang cekap dan mampan melalui Pusat Inovasi dan Pembiakan Biri-biri Kuala Berang dibina oleh ECERDC di Terengganu.

Sejak 2007, ECERDC telah menarik pelaburan bernilai RM72.26 bilion, mencatatkan 66 peratus daripada sasaran pelaburan ECER berjumlah RM110 bilion pada 2020, dan mewujudkan 73,281 pekerjaan.

Pahang mendahului dari segi pelaburan dengan RM35.23 bilion, diikuti Terengganu (RM24.24 bilion), Kelantan (RM11.17 bilion), dan Mersing (RM1.61 bilion).

-- BERNAMA



Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Alam Sabah Siap Siaga Hadapi Banjir

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Negeri Sabah meningkatkan kesiapsiagaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya banjir berikutan beberapa kawasan diramal menerima lebih hujan bulan depan.

"[Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan beberapa kawasan seperti Kinabatangan, Sandakan dan Pitas, Kota Marudu dijangka menerima lebih hujan pada bulan depan," kata Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah Rodzi Md Saad pada sidang media di sini Isnin.

Beliau berkata jawatankuasa dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Sukarti Wakiman telah mengarahkan semua agensi dan pihak berkaitan di kawasan berisiko dilanda banjir membuat persediaan bagi menghadapi bencana alam itu.

Rodzi menasihati penduduk di kawasan berkenaan sentiasa mengikuti perkembangan ramalan cuaca dan kedudukan paras air di sungai-sungai berhampiran serta bersedia berpindah sekiranya diarah pihak berkuasa.

Katanya, agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, dan polis di kawasan masing-masing turut bersiap siaga menghadapi bencana itu.

Daerah Beaufort, Tenom, Keningau dan beberapa daerah lain mengalami banjir pada akhir tahun lepas.

-- BERNAMA



Pahang: Pusat Pemindahan Banjir Dilengkapi Bekalan Makanan Lebih Awal



Datuk Seri Muhammad Safian Ismail

KUANTAN, 17 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang mengadakan persiapan lebih rapi untuk menghadapi musim banjir dengan perancangan lebih proaktif termasuk menyiapkan 629 pusat pemindahan banjir dengan bekalan makanan lebih awal.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, kebiasaannya hanya pangkalan hadapan sahaja dilengkapi bekalan makanan, namun kali ini selain menyediakan bekalan makanan lebih awal di setiap pusat pemindahan, tukang masak turut disediakan.

Katanya bekalan makanan itu adalah untuk tempoh dua hari dahulu dan proses penghantaran akan dilaksanakan dalam tempoh seminggu bermula hari ini.

"Selain itu juga kita akan menyediakan tukang masak dan tidak lagi bergantung kepada mangsa banjir untuk memasak makanan mereka sendiri.

"Tukang masak ini pula akan tertakhluk dengan syarat-syarat oleh Jabatan Kesihatan termasuk mestilah mendapat suntikan dan bebas sebarang penyakit berjangkit untuk mengelakkan ia merebak kepada mangsa banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Bencana Negeri di Wisma Sri Pahang di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Ketua Polis Pahang Datuk Sharifuddin Ab Ghani dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Datuk Shamsiah Husin.

Muhammad Safian berkata seramai 140,000 mangsa banjir dijangka boleh ditempatkan di 629 pusat pemindahan tersebut dan antara pusat pemindahan itu ialah di Temerloh sebanyak 82 pusat, Kuantan (79), Pekan (88), Rompin (35) dan Cameron Highlands (20).

Menurutnya, [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan banjir di Pahang pada tahun ini tidak sebesar yang berlaku seperti tahun lepas.

"Banjir dijangka melibatkan daerah-daerah seperti Rompin, Pekan dengan yang paling serius di Kuantan dan untuk itu pemindahan mangsa banjir di sini kali ini akan dilakukan mengikut zon untuk memastikannya lebih sistematik," katanya.

Menurutnya, bagi Kuantan, untuk Zon A1 iaitu penduduk Kampung Sungai Isap, Sungai Isap 1 dan 2, Sungai Isap Jaya, Taman Murni, Taman Aman, Tanah Putih Baru, Kampung Belukar, Kampung Kurnia dan Kampung Razali akan dipindahkan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC) Chung Ching dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Putih.

Untuk Zon A2 pula, penduduk Taman Desa, kawasan perumahan berhampiran Balai Polis Permatang Badak, Taman Putera Puteri, dan Taman Guru akan dipindahkan ke Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS), SK Mat Kilau, SMK Mat Kilau, SMK Seri Mahkota, dan SK Fakeh.

Bagi Zon B1, penduduk Sungai Isap Damai, Sungai Isap Perdana, Rancangan Rumah Murah Permatang Badak, kawasan Perumahan Bukit Rengin, Kampung Bukit Rengin, Kampung Baru MPK dan Permatang Badak akan pindahkan di Kompleks Sukan Pahang, Sekolah Berprestasi Tinggi Intergrasi Kuantan, SK Sg Talam, Sk Indera Mahkota, Sk Tengku Azizah, SJK (T) Indera Mahkota dan SJK (C) Kuang Hwa.

Sementara untuk Zon B2, penduduk Kampung Pandan 1 dan 2, kawasan perumahan sekitar Pandan, Kampung Chendering akan dipindahkan ke SMK Pandan dan SK Pandan.

Bagi Zon C pula iaitu yang melibatkan penduduk Cenderawasih, Kampung Tengah, Kampung Jawa, Kampung Tiram dan Paya Tiga akan dipindahkan ke Wisma Belia dan SMK Palima Perang.

Muhammad Safian berkata, untuk mengelakkan masalah terputus bekalan elektrik seperti dialami pada tahun lepas, pihak TNB juga telah bersedia dengan pelan kecemasannya.

"Jika pencawangnya di Sungai Isap dinaiki air, TNB hanya akan memutuskan bekalan elektrik di kawasan itu dan tidak lagi melibatkan keseluruhan kawasan Kuantan seperti tahun lepas dan pencawang di IM juga telah dibina benteng di sekeliling untuk mengelak dinaiki air," katanya.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang menyediakan 56 buah bot bagi operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa banjir di seluruh Pahang.

Timbalan Pengarah JBPM Pahang Penolong Pesuruhjaya Bomba Morni Mamat berkata logistik lain seperti lori dan pacuan empat roda turut digunakan untuk melancarkan operasi menyelamatkan dan memindahkan mangsa.

"Selaras itu, kekuatan daripada 947 anggota termasuk pegawai di seluruh negeri akan dikerah sepanjang musim banjir untuk turun membantu mangsa yang terlibat dan cuti kesemua anggota kini dibekukan sehingga 15 Jan depan," katanya kepada pemberita.

-- BERNAMA

Taburan hujan melepasi paras waspada

KUANTAN - Hujan sederhana lebat yang turun sekitar daerah Kuantan menyebabkan beberapa kawasan mencatatkan taburan hujan melepasi tahap waspada bagaimanapun keadaan paras air sungai-sungai utama masih normal.

Jabatan Perparitan dan Saliran Kuantan melalui laman Facebook menyebut, antara kawasan yang mengalami taburan hujan melepasi paras waspada termasuk Bukit Sagu dengan bacaan 33 milimeter (mm) dan bandar Kuantan, 36mm.

Manakala bagi kawasan Cerating taburan hujan melepasi paras amaran iaitu 70mm yang boleh menyebabkan kawasan rendah dinaiki air.

Bacaan yang dicatatkan sehingga jam 5 petang itu menunjukkan peningkatan berbanding catatan pada jam 2.30 petang semalam iaitu 12 mm di Sungai Lembing, 14 mm di Bukit Sagu, 33mm di Bandar Kuantan dan 55mm di Cerating.

Ekoran hujan yang turun sepanjang hari, Jalan Bukit Penggorak ke Kemaman dekat sini telah dinaiki air kira-kira 0.3 meter sepanjang 100 meter dan tidak boleh di lalui kenderaan ringan sehingga jam 5 petang semalam.



Ramalan cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi menunjukkan Pahang dilanda hujan dan ribut petir bermula semalam hingga Ahad ini.

Situasi hujan semalam tidak diburukkan dengan peningkatan paras sungai disebabkan keadaan air pasang yang tidak tinggi.

Hujan lebat peringkat jingga • dijangka berterusan hingga esok berdasarkan amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Sumber bomba menyebut, kejadian limpahan air di jalan Bukit Penggorak ke Kemaman petang semalam adalah di-

sebabkan limpahan sistem perparitan dan dijangka surut apabila hujan berhenti.

Setakat ini pihak bomba belum menerima sebarang laporan berhubung kejadian banjir yang memaksa mangsa dipindahkan.

Bagaimanapun orang ramai yang tinggal di kawasan rendah supaya lebih berwaspada dan berjaga-jaga serta patuh amaran yang dikeluarkan pihak berkuasa.

Mangsa banjir pertama pindah

Beberapa kawasan ditenggelami air sejak hujan berterusan



Abdullah Ibrahim bersama isterinya Zainon Din membawa keluar barang keperluan ke pusat pemindahan banjir SK Cendering selepas rumah mereka di kampung Binjai ditenggelami air akibat masalah saliran, semalam.

■ RAHAYU MUSTAFA &
NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

— Hujan lebat berterusan sejak lima hari lalu di negeri ini menyebabkan beberapa kawasan mula ditenggelami air dan memaksa penduduk terlibat berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Sehingga jam 4 petang semalam, seramai 27 mangsa dari Kuala Terengganu mula dipindahkan ke pusat pemindahan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu dalam satu kenyataannya berkata, pusat pemindahan pertama dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Chendering membabitkan empat keluarga terdiri daripada 19 orang mangsa.

“Sebuah keluarga lagi terdiri dari lapan mangsa dari Kampung Pak Tuyu, di sini

pula berpindah ke rumah keluarga,” katanya.

Jurucakap MKN negeri turut memaklumkan Sungai Chalok di Jambatan Chalok sudah mencapai paras berjaga-jaga dengan bacaan semasa 7.45 meter berbanding paras normal 7 meter.

Bagaimanapun, paras sungai di stesen pemantauan lain masih berada di paras normal.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga pada jam 3.26 petang semalam.

Hujan sederhana kadang-kala lebat yang berlaku di Dungun, Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Kemaman dan Hulu Terengganu itu dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Selain Terengganu, keadaan sama turut berlaku di Kelantan melibatkan

Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Pasir Putih, Tanah Merah, Machang, Jeli dan Kuala Krai.

Jabatan Meteorologi Malaysia juga mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama bagi kawasan perairan Terengganu dan Kelantan.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

“Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

“Selain itu, kawasan pantai di Kelantan dan Terengganu turut terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Rabu ini,” katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI JOHOR) : MUKA SURAT 49
TARIKH: 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Hujan di Batu Pahat lebih paras amaran

SENAI - Sehingga jam 4 petang semalam, taburan hujan di kebanyakan kawasan seluruh negeri ini dilaporkan normal iaitu kurang 30 mm manakala hanya stesen Sungai Batu Pahat mencatat bacaan melebihi paras amaran dengan bacaan 37mm.

Menerusi laporan yang dikeluarkan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) di portal Public Info Banjir (<http://publicinfobanjir.water.gov.my>), 12 daripada 33 stesen bacaan mencatat taburan hujan di paras normal dan satu stesen Sungai Batu Pahat mencatat bacaan melebihi paras normal dan selebihnya tia-

da taburan hujan.

Manakala, bacaan paras air sungai di stesen Sungai Lenik, Ladang Chaah, menunjukkan bacaan air pada paras 5.17 meter iaitu melebihi paras amaran dan penduduk diminta berwaspada walaupun tiada taburan hujan direkodkan di kawasan sekitar.

Bagaimanapun setakat ini tiada amaran banjir sekitar negeri ini dilaporkan.

Sementara itu, **Jabatan Metereologi** dalam satu kenyataannya mengeluarkan amaran ribut petir di beberapa kawasan termasuk Mersing, Kota Tinggi, dan Kluang.



KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI TERENGGANU) : MUKA SURAT 51
TARIKH: 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Nelayan disaran jangan turun ke laut

KUALA BESUT - Nelayan dan pemancing khususnya yang menggunakan bot kecil dinasihatkan tidak turun ke laut buat masa sekarang disebabkan keadaan laut bergelora dan berbahaya bagi aktiviti menangkap ikan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Muhammad Pehimi Yusof berkata, nelayan perlu mematuhi nasihat pi-

hak berkuasa terutama amaran dikeluarkan **Jabatan Meteorologi** kerana ia boleh mengundang risiko besar terutama bagi nelayan yang menggunakan bot kecil.

"Kejadian sebuah bot nelayan karam di perairan Pulau Perhentian pada 13 November lalu menjelaskan keadaan laut bergelora yang berbahaya dan boleh berlaku tanpa diduga," katanya.

Strong winds forecast in Kelantan and Terengganu

KUALA LUMPUR: Strong winds and choppy seas are expected to last until tomorrow in the coastal areas of Kelantan and Terengganu.

This is also the forecast in the coastal areas of Samui, Condore, Reef North and Layang-Layang, the Meteorological Department said.

North-east wind speeds of 40kph to 50kph and waves of up to 3.5m will pose a danger to small boats, recreational activities and sea sports.

In a related development, state National

Security Council (NSC) acting secretary Roslina Ngah said low-lying areas in Terengganu risk being hit by flood should heavy and moderate rainfall continue in most parts of the state.

She said records showed that the current average rainfall in Terengganu was between 2mm and 80mm.

She said heavy rainfall was detected in the coastal areas of Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun and Kemaman.

"Water levels at all major rivers in the state are still normal while strong winds and choppy seas are expected to bring wind speeds of 40kph to 50kph and waves of 3.5m.

"Thunderstorms in the waters of Terengganu are expected to continue and the coastal areas exposed to an increase in water levels," she said yesterday.

All state and district departments and agencies are asked to be prepared. — Bernama



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Hingga Rabu

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya hari ini berkata keadaan sama dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Condore, Reef North dan Layang-layang.

Angin kencang timur laut berkelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi serta sukan laut.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 6

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

ADVERTORIAL

SYARIKAT-SYARIKAT BERSTATUS BIONEXUS BERSEDIA UNTUK PERTUMBUHAN YANG KUKUH DENGAN REKOD PELABURAN SEBANYAK RM 4.4 BILION SEJAK DITUBUHKAN


Kuala Lumpur, 18 November 2014 – Syarikat-syarikat berstatus BioNexus telah muncul sebagai penyumbang utama kepada Bioekonomi Malaysia, menjana pelaburan sebanyak RM 4.4 bilion. Sejak penubuhan program BioNexus pada tahun 2007, sejumlah 240 syarikat-syarikat tempatan dan asing telah diiktiraf status BioNexus dan berjaya mencipta pasaran khusus ("niche market") dengan produk-produk komersial.

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) bertindak sebagai peneraju agenda Bioekonomi negara melalui Program Transformasi Bioekonomi (BTP), bersesuaian dengan misi untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program Transformasi Bioekonomi dan syarikat-syarikat BioNexus akan menjadi tumpuan utama dalam perbincangan pada persidangan dan pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik yang akan datang. Perkembangan ini akan dibincang secara lanjut di persidangan BioMalaysia bersama peserta industri dan para peserta.

Sejak tahun 2010, Bioekonomi secara keseluruhannya telah menyumbang sebanyak 13.4 peratus daripada jumlah keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia, bersamaan dengan RM 106.7 bilion. Berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan ransangan sebanyak 15 peratus, GDP tahun 2020 dan RM 181.2 bilion pada tahun 2030.

Bioekonomi masih kekal sebagai agenda yang penting dalam BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 bagi edisi yang ke-12. Pameran dan persidangan ini telah berjaya menjadi salah satu titik pertemuan utama bagi golongan profesional dalam industri di Asia Pasifik sebagai tempat melahirkan idea-idea baru, solusi yang praktikal dan kerjasama yang efektif untuk pemain industri bioteknologi Malaysia dan dunia.

Bertemakan "Perkongsian Inovasi, Pelaburan dan Pertumbuhan untuk Industri Berasaskan Bio", pameran dan persidangan ini bermatlamat untuk menggalakan perkongsian untuk merangsang inovasi and pertumbuhan di sektor berasaskan bio, dengan sasaran untuk meletakkan Malaysia sebagai penggerak Bioekonomi di masa akan datang.



Dato' Dr. Mohd Nazlee Kamal - Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp

"Acara BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik tahun ini diadakan dengan tujuan menggalakkan perkembangan yang inovatif, perkongsian, pembaharuan ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan. Perbincangan yang berlangsung akan tertumpu kepada Inovasi terkini dan isu komersialisasi dalam bioekonomi, termasuk strategi, nilai rantaian, impak dan peluang pelaburan untuk menguatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Pameran dan persidangan ini juga tertumpu kepada pembangunan sumber manusia dan peluang kerjaya untuk memacu agenda Bioekonomi negara," kata Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Dato' Dr. Mohd Nazlee Kamal berkata, "Membentuk perkongsian yang efektif adalah kritikal bagi kejayaan industri berasaskan bio, dan ini akan menjadi topik menarik untuk persidangan tahun ini. Pameran dan persidangan ini menekankan kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dengan pemain industri, dan menyediakan satu platform yang unik untuk mereka menjalin hubungan dan membina perkongsian di dalam ekosistem industri berasaskan bio.

Tumpuan utama persidangan tahun ini adalah acara BioCareer. BioCareer akan menampilkan pameran kerjaya bioteknologi yang interaktif dan bimbingan kerjaya dengan peluang untuk membina hubungan kerjaya yang unik antara syarikat-syarikat mewakili pelbagai bidang dalam sektor berasaskan bio. Para peserta akan diberi peluang untuk ditemuduga bagi mengisi jawatan kosong dan mengikuti seminar secara percuma, di samping peluang berbincang dengan syarikat-syarikat mengenai peluang-peluang dan kriteria kerjaya. Dianggarkan seramai 500 graduan akan menghadiri pameran dan persidangan ini.

Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 akan berlangsung pada 19-20 November 2014 di Kompleks Kajian Pengurusan dan Inovasi Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan BiotechCorp, persidangan dan pameran tahunan ini akan menampilkan pameran, pelancaran produk baru, demonstrasi produk dan sesi perkongsian perniagaan.

Sila lawati laman sesawang BiotechCorp, www.biotechcorp.com.my dan www.biomalaysia.com.my untuk maklumat lanjut dan informasi terkini berkenaan pameran dan persidangan ini.

Mengenai BiotechCorp

BiotechCorp adalah agensi pembangunan utama dibawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, bertindak sebagai pusat hubungan utama memberi sokongan, fasilitasi dan khidmat nasihat untuk syarikat-syarikat bioteknologi dan sains hayat di Malaysia.

Syarikat berstatus BioNexus terdiri daripada syarikat tempatan dan antarabangsa yang berkelayakan untuk menerima insentif fiskal, geran dan jaminan yang dipantau oleh BiotechCorp. Untuk maklumat lanjut, lawati www.biotechcorp.com.my.

Program Transformasi Bioekonomi (BTP) adalah sebuah platform yang disediakan oleh kerajaan Malaysia untuk sektor swasta bagi menyalurkan dan memaksimumkan peluang-peluang komersial di dalam industri berasaskan bio. BTP ditubuhkan sebagai program transformasi berdasarkan potensi bioteknologi untuk merentas pelbagai industri dan menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi, inklusif dan mampan.

Melalui BTP, Bioekonomi akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara melalui kejayaan dalam produktiviti agrikultur, penemuan dalam penjagaan kesihatan dan penggunaan proses-proses industri yang mampan, memperkayakan masyarakat dan negara melalui penciptaan kekayaan selain menjamin masa hadapan negara. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi www.bioeconomy.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

BiotechCorp

ANEITA ABDULLAH

Pengurus Kanan, Analisa Media & Strategi Komunikasi
Malaysian Biotechnology Corporation

Tel: +603-2116 8569 E-mel: aneita.abdullah@biotechcorp.com.my

